

20 JUN 2002

Mahathir-Melayu

MELAYU MASIH LEMAH WALAUPUN RAMAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu bahawa kuasa politik belum dapat menjamin keselamatan mereka selagi mereka terus lemah dan miskin.

Beliau berkata mereka jangan beranggapan bahawa kuasa orang Melayu dalam politik akan kekal selama-selamanya dan dapat menjamin keselamatan mereka sampai bila-bila.

Sambil menegaskan tidak ada yang kekal dalam masyarakat manusia dan begitu jugalah tidak ada yang kekal dalam politik manusia beliau berkata:

"Jangan fikir selepas Umno, PAS akan tetap memerintah. Dalam politik, yang tidak dijangka boleh berlaku."

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika menyampaikan Ucapan Dasar dan merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Majlis perasmian perhimpunan tahunan parti itu, yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh radio dan televisyen, dihadiri oleh 2,033 anggota perwakilan dan wakil Kelab Umno luar negara serta parti-parti siasah negara asing.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata orang Melayu boleh selamat jika mereka sedar bahaya yang mereka hadapi sekarang dan membuat persiapan untuk menangannya.

Beliau berkata memang benar Malaysia sudah maju tetapi orang Melayu masih kurang maju walaupun mereka merupakan penduduk teramai di negara ini.

"Jika kita keluarkan Cina dengan segala-gala yang dibina dan dimiliki oleh mereka, tidak akan ada bandar kecil atau besar di Malaysia, tidak akan ada perniagaan dan perusahaan, dan tidak akan ada dana daripada cukai pendapatan dan korporat untuk membiayai segala subsidi, bantuan dan kemudahan untuk orang Melayu.

"Orang Melayu akan kembali ke zaman mereka dijajah dahulu, miskin, tidak berpelajaran dan dihina oleh siapa sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata ada bangsa yang tidak pernah bangun dan ada bangsa yang maju tetapi kemudian runtuh dan lenyap dari muka bumi.

Beliau berkata masyarakat Melayu tidak bercita-cita besar untuk menjadi bangsa yang teragung, bangsa yang menjadi kuasa besar tetapi ingin terus bebas, merdeka dan tidak dihina serta dijajah semula.

Untuk mengelakkan sejarah berulang masyarakat Melayu perlu berjaga-jaga sambil berusaha memulih dan mengekalkan kekuatan politik mereka.

Di samping itu mereka perlu mempertingkatkan kemampuan diri dalam bidang-bidang tertentu khususnya bidang ilmu dan perniagaan supaya dapat menghadapi dan mengatasi sendiri segala persaingan, kata beliau.

Menurut Perdana Menteri orang Melayu sebenarnya sama seperti kaum-kaum lain yang mempunyai akal fikiran yang cerdas dan pintar, berkemampuan, berkecekapan dan bertenaga.

Jika mereka tidak berjaya setelah diberi banyak peluang dan dibantu dengan pelbagai kemudahan, sebabnya ialah kerana mereka malas dan suka kepada jalan yang mudah dan cepat.

Mereka tidak sabar dan hendak menjadi kaya cepat dengan mengambil jalan mudah, termasuk menjual kontrak bagi mendapatkan wang tunai.

Katanya kerja mereka tidak lain daripada mendampingi orang yang berpengaruh dan berkuasa bagi mendapatkan sesuatu atas alasan bahawa mereka orang Melayu atau Bumiputera.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata orang Melayu dan

Bumiputera sebenarnya boleh berjaya jika mereka berusaha lebih sedikit sambil mengamalkan sikap jujur kepada diri sendiri.

Mereka perlu menguruskan perniagaan dengan baik serta mengelak daripada amalan yang tidak baik seperti menggunakan wang pinjaman untuk perniagaan semata-mata untuk tujuan itu.

"Gunakan secara cukup cermat, diurus secara tertib kerana wang yang dipinjam mesti dibayar balik. Jika belum untung jangan belanja dahulu," katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana orang Cina yang setelah membeli lesen dan kontrak daripada orang Melayu masih boleh memperolehi keuntungan walaupun kos perniagaan mereka meningkat.

Beliau hairan kenapa dengan kos yang lebih rendah peniaga Melayu tidak boleh mendapat keuntungan.

Perdana Menteri berkata orang Melayu harus rajin mengawal diri dan berdisiplin dalam mengendalikan perniagaan mereka sambil menimba kepakaran dan kepintaran melalui latihan dan pengalaman.

Dr Mahathir berkata sekalipun orang Melayu harus berpolitik dan berparti mereka tidak semestinya mempunyai garis pemisah sehingga apabila menghadapi musuh atau masalah bersama, mereka tidak boleh bertindak secara kolektif dengan satu tujuan.

Beliau bertanya apa salahnya mereka mempunyai pendirian yang sama apabila saudara seagama mereka dibunuh beramai-ramai oleh regim Israel.

"Apakah dalam perkara ini pun kita perlu mengutamakan kepentingan politik parti lebih daripada agama.

Apakah tidak ada langsung persaudaraan Islam antara kita?"

Beliau menegaskan mereka tidak semestinya mengkafirkan orang Islam lain dengan sewenang-wenangnya sehingga putus silaturrahim ataupun sekurang-kurangnya bekerjasama di hadapan musuh bersama.

Katanya mereka sepatutnya mengalahkan dahulu musuh bersama sebelum berbalah sesama sendiri.

Dr Mahathir yang telah menerajui pemerintahan negara selama 21 tahun berkata selama ini beliau berangan-angan untuk menukar persepsi beliau, persepsi orang asing dan persepsi orang Melayu terhadap masyarakat Melayu.

Katanya beliau telah mencuba sedaya upaya dan hasilnya terdapat sedikit kejayaan tetapi lebih banyak kekecewaan.

Sambil memohon maaf di atas kekurangan itu beliau berharap akan muncul di kalangan orang Melayu seorang pemimpin yang lebih mampu menukar sifat-sifat tertentu yang ada pada orang Melayu dan Bumiputera lain agar mereka memiliki budaya yang lebih sesuai dengan kejayaan.

Menurut beliau Ummolah satu-satunya parti yang sesuai dan mampu menukar budaya Melayu kerana parti itu telah berjaya menyatupadukan orang Melayu dan mengikis sifat rendah diri mereka sehingga mereka berani bangun untuk menghadapi penjajah.

"Tetapi amat malang sekali kejayaan yang sedikit ini telah merosakkan pemikiran orang Melayu sehingga mereka menganggap mereka sudah selamat dan boleh buat apa saja," kata beliau.

Beliau berkata pada hari ini semangat kebangsaan orang Melayu sudah luntur manakala kemampuan mereka menghadapi cabaran sudah menurun.

Kalau hari ini mereka dijajah, kemampuan untuk melawan penjajah tidak boleh dijamin.

Dr Mahathir berkata kerana perpecahan orang Melayu, kuasa politik mereka sudah susut dan mereka belum sedar hakikat ini.

"Tetapi apabila hak dan kedudukan mereka dicabar secara terbuka, mereka tidak berupaya mempertahankan diri mereka," kata beliau.

Beliau berkata mereka mencari perlindungan daripada kuasa politik tetapi kerana perpecahan kuasa politik, mereka tidak sebegitu kuat seperti dahulu dan suatu hari kuasa ini boleh luput sama sekali.

"Ini tidak mengapa jika individu Melayu sudah menjadi orang yang gagah yang memiliki kebolehan tersendiri, kebolehan dalam bidang ilmu dan ekonomi, kebolehan bersaing tanpa keistimewaan yang hari ini mereka anggap sebagai hak mereka," kata beliau.

Tetapi mereka bukan sahaja tidak menjadi individu yang gagah sebaliknya mereka tidak sanggup menghadapi persaingan barang sedikit pun dan mereka begitu takut kepada kaum lain, kata beliau.

Dr Mahathir berkata tanpa pengalaman bersaing dengan orang lain, jika perlindungan tiba-tiba hilang tidak mungkin sama sekali mereka akan "survive".

-- BERNAMA

JH AZZ ZS RON